

# OKU masih dipinggir sertai pelbagai sektor

**G**OOLONGAN orang kelainan upaya (OKU) di negara ini masih boleh dikatakan umpama melukut di tepi gantang di mana masyarakat masih tidak begitu mempedulikan kehadiran dan kewujudan mereka serta sering menerima nasib umpama bagai pungguk rindukan bulan yang hak mereka dinafikan. Ini menyebabkan mereka hanya boleh terus menunggu dan menanti segala janji dan kemudahan diperuntukkan kepada mereka oleh pelbagai pihak.

Baik dari segi peluang pekerjaan, maupun dari segi kemudahan lain golongan ini masih menerima nasib malang dan sering dikesampingkan dengan pelbagai alasan. Misalnya alasan yang paling mudah untuk manafikan peluang pekerjaan kepada mereka ialah keadaan fizikal mereka tidak sesuai untuk sesuatu jawatan itu di samping kelayakan akademik.

Perkara ini berlaku baik di sektor swasta maupun sektor awam. Misalnya walaupun kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada golongan OKU melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008, namun pelaksanaan dan pencapaiananya masih tidak begitu memberangsangkan. Keadaan ini jauh lebih teruk di pihak swasta yang dilihat lebih mengutamakan elemen keuntungan dan kemampuan pekerjanya. Ini menyebabkan kehidupan mereka sangat tidak menentu.

Pelbagai definisi diberikan berkaitan kecacatan OKU ini misalnya, mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), golongan OKU

ditakrif sebagai seseorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan hidup sosialnya, sebagai seorang individu yang tidak normal, akibat kekurangan keadaan fizikal atau mental.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula mentakrif OKU sebagai seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal maupun mental dan sama ada ia berlaku sejak lahir atau kemudiannya (Zinaida Ariffin, 2006).

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, golongan OKU ditakrif sebagai termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Mengikut akta ini juga suatu badan yang dikenali sebagai Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya hendaklah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh mentri-

ri. Antara fungsi majlis ini ialah, untuk menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU, membuat syor kepada Kerajaan menganai perkara-perkara yang berhubungan dengan OKU seperti sokongan, penjagaan, perlindungan, pemulihan, pembangunan dan ke sejahteraan OKU, memantau aktifiti semua kementerian, agensi, ba-



**PARKIR OKU tersorok menyukarkan pengguna.**

dan atau pertubuhan, kerajaan dan sektor swasta yang terbabit dalam pelaksanaan, dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU, mengesyorkan kepada kerajaan perubahan kepada undang-undang sedia ada dan juga mencadangkan undang-undang baru bagi menjamin penyertaan penuh OKU dalam masyarakat dan juga membangunkan program dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat bagi meningkatkan kesedaran berhubung dengan OKU.

Hakikatnya, nasib golongan OKU di negara kita masih berada pada tahap yang cukup menyediakan serta memudaratkan. Maka timbul persoalan di mana silapnya? Apakah golongan OKU sendiri gagal untuk merebut segala kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan ataupun pihak pelaksana ga-

gal untuk melaksanakan tanggungjawab mereka ataupun tahap kesedaran masyarakat kita termasuk pihak korporat masih rendah dan gagal untuk menunaikan tanggungjawab sosial korporat mereka kepada golongan ini?

Justeru, kita berharap sangat agar pihak pelaksana terutama jabatan kerajaan yang terbabit perlu menggembung tenaga bersama-sama dengan pihak korporat dan masyarakat dengan kerjasama golongan OKU itu sendiri berbincang dan tampil dengan satu pelan transformasi yang terperinci untuk jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang bagi membela nasib golongan OKU di negara kita secara menyeluruh.

**NOOR MOHAMAD  
SHAKIL HAMEED,  
UPM, Serdang.**